



03 JUN, 2024

Siasat dakwaan kontena syarikat kapal dari Israel

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Siasat dakwaan kontena syarikat kapal dari Israel

Bagan Datuk: Kerajaan mengarahkan Lembaga Pelabuhan Johor dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) segera menyiasat dakwaan ada kontena syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM di sebuah pelabuhan di Iskandar Puteri, Johor.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Malaysia tegas dengan pendirian tidak membenarkan syarikat perkapalan Israel berlabuh di pelabuhan di negara ini, apatah lagi melakukan urusan perdagangan.

Menurutnya, siasatan terperinci harus dilakukan termasuk melihat kemungkinan kontena terbabit dihantar pihak ketiga.

“Kita sangat terikat kepada dasar kerajaan. Pertama, kita memang tiada hubungan diplomatik dengan Israel dan kita pun tiada perjanjian perdagangan dengan Israel.

“Jika ada barangan Israel berada di mana-mana pelabuhan di Malaysia de-

ngan menggunakan pihak ketiga, perkara ini harus kita lakukan pemantauan.

“Pihak Lembaga Pelabuhan (Johor) dan JKDM harus bertindak segera kerana kita tahu yang berlaku ini bukan hanya soal perdagangan, namun bagaimana peraturan begitu ketat terbolos,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengoperasian Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bagan Datuk dekat Hutan Melintang, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri dan Ketua Polis Daerah Bagan Datuk, Superintendan Mohammad Ali Mohd Jali.

Kelmarin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Iskandar, Datuk Pandak Ahmad dilaporkan berkata, beliau terkejut apabila menerima aduan penduduk mendakwa ada kontena syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM di sebuah pelabuhan di Iskandar Puteri.



03 JUN, 2024

Siasat dakwaan kontena syarikat kapal dari Israel

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Bagan Datuk: Ker a j a n mengarahkan Lembaga Pelabuhan Johor dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) segera menyiasat dakwaan ada kontena syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM di sebuah pelabuhan di Iskandar Puteri, Johor. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Malaysia tegas dengan pendirian tidak membenarkan syarikat perkapalan Israel berlabuh di pelabuhan di negara ini, apatah lagi melakukan urusan perdagangan.